



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH DIMENSI KOMPETENSI EMOSI TERHADAP PRESTASI  
KERJA AGEN PENGEMBANGAN DI KAWASAN JELAPANG, MALAYSIA***

**ROSNAINI BINTI HAMZAH**

**IPSS 2015 3**



**PENGARUH DIMENSI KOMPETENSI EMOSI TERHADAP PRESTASI  
KERJA AGEN PENGEMBANGAN DI KAWASAN JELAPANG, MALAYSIA**

Oleh

**ROSNAINI BINTI HAMZAH**

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains**

**Disember 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH DIMENSI KOMPETENSI EMOSI TERHADAP PRESTASI  
KERJA AGEN PENGEMBANGAN DI KAWASAN JELAPANG, MALAYSIA**

Oleh

**ROSNAINI BINTI HAMZAH**

**Disember 2015**

**Pengerusi : Bahaman Abu Samah, Phd**  
**Institut : Institut Pengajian Sains Sosial**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh dimensi kompetensi kecerdasan emosi terhadap prestasi kerja agen pengembangan di kawasan jelapang. Sampel kajian terdiri daripada 200 orang agen pengembangan yang berkhidmat di dua kawasan jelapang yang dipilih secara rawak mudah. Reka bentuk kajian ini adalah kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah *Emotional Competence Inventory Version 2 (ECI-2)* oleh Boyatzis, Goleman & Hay Group (1999) dengan reliabiliti  $\alpha=0.949$  yang bertujuan untuk mengukur tahap kompetensi kecerdasan emosi sampel serta 19 item prestasi yang dibina sendiri oleh pengkaji dengan reliabiliti  $\alpha=0.885$  bagi mengukur tahap prestasi kerja agen pengembangan. Data dianalisis dengan menggunakan ujian korelasi Pearson dan ujian regresi linear berganda. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan sederhana di antara dimensi kesedaran diri ( $r=0.48$ ); pengurusan diri ( $r=0.64$ ); kesedaran sosial ( $r=0.61$ ) serta pengurusan perhubungan ( $r=0.60$ ) dengan prestasi kerja agen pengembangan di mana nilai  $p<0.01$ . Analisis regresi linear berganda menunjukkan bahawa hanya tiga variabel peramal yang menyumbang secara signifikan kepada prestasi kerja agen pengembangan iaitu: dimensi pengurusan diri ( $t=2.795$ ,  $p=0.006$ ); kesedaran sosial ( $t=3.641$ ,  $p=0.000$ ) dan pengurusan perhubungan ( $t=2.466$ ,  $p=0.015$ ). Sebaliknya dimensi kesedaran diri ( $t=1.305$ ,  $p=0.193$ ) tidak menyumbang secara signifikan kepada prestasi kerja agen pengembangan. Berdasarkan nilai *Beta*, nilai yang paling tinggi adalah (*Beta*=0.271) iaitu nilai *Beta* bagi dimensi kesedaran sosial, diikuti oleh nilai *Beta* bagi dimensi pengurusan diri (*Beta*=0.249) dan dimensi pengurusan perhubungan (*Beta*=0.201). Keputusan analisis ini turut menunjukkan bahawa dimensi kompetensi kecerdasan emosi menyumbang 48.4% varians dalam prestasi kerja agen pengembangan ( $R^2=0.484$ ,  $F=45.715$ ,  $p<0.05$ ). Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi satu implikasi ke atas prestasi kerja agen pengembangan. Oleh yang

demikian terdapat beberapa cadangan yang telah dibuat berdasarkan penemuan kajian dan untuk kajian yang akan datang.



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Pertanian merupakan sektor yang penting dalam negara terutama bagi negara dunia ketiga yang sedang membangun seperti Malaysia. Pembangunan dalam pertanian memberi sumbangan yang ketara kepada pembangunan ekonomi negara. Memandangkan sektor pertanian merangkumi sektor agromakanan, kerajaan telah menggubal satu dasar khusus untuk industri agromakanan bagi memastikan industri ini kekal signifikan sebagai salah satu sektor yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan menyasarkan berlakunya transformasi industri makanan kepada industri yang lebih moden dan dinamik dengan objektif menjamin bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan memupuk serta meningkatkan tahap pendapatan kumpulan sasaran. Antara perkara yang diberi keutamaan adalah meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan. Pembangunan sumber manusia yang berkualiti yang menekankan peningkatan kemahiran dan kepakaran merupakan faktor utama kepada kejayaan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan dalam menyalurkan informasi, teknologi serta inovasi. Penyampaian khidmat pertanian yang cekap adalah kritikal kepada pembangunan pesat dan transformasi industri agromakanan. Agensi pengembangan pertanian didorong meningkatkan kecekapan pemindahan teknologi yang dihasilkan supaya teknologi dapat disalurkan dengan cepat kepada golongan sasaran untuk diterima dan diguna pakai. Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh kumpulan sasaran akan membolehkan penemuan-penemuan pengkajian diterima pakai dan seterusnya memodenkan industri agromakanan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2011).

Lazimnya faktor pengeluaran seperti modal, tanah, buruh dan keusahawanan terus penting, namun begitu pengetahuan dan inovasi adalah faktor utama yang menerajui pertumbuhan, menghasilkan nilai tambah dan meningkatkan daya saing (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010). Oleh itu, pemacu utama yang menjadi tenaga penggerak kepada pencapaian matlamat tersebut adalah sumber manusia (Sofian, 2008). Sumber manusia atau pekerja yang berkualiti, profesional, berpengetahuan dan berprestasi tinggi bukan sahaja merupakan aset negara yang penting tetapi menjadi tenaga penggerak kepada pencapaian Wawasan 2020. Walaupun negara mempunyai teknologi terkini dan canggih serta sumber yang banyak, namun begitu jika sumber manusia tidak digunakan secara berkesan dan tidak berkualiti, maka sumber-sumber tersebut akan hilang dan dibazirkan begitu sahaja (Noor Idahwati & Nooraini, 2011).

Peningkatan dalam pembangunan sumber manusia dalam kalangan penduduk luar bandar adalah penting bagi pembangunan pertanian dan komuniti di mana

agen pengembangan bertanggungjawab dalam membangunkan individu di dalam komuniti tersebut (Ali Hassan, Maimunah, Turiman, Abu Daud, 2008). Di negara membangun seperti Malaysia, pengembangan pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan luar bandar. Pengembangan didefinisikan sebagai satu proses pendidikan tidak formal yang diaplikasikan oleh mana-mana institusi secara bersistem untuk memberi khidmat dan menggalakkan penerimaan sesuatu teknik, teknologi dan maklumat-maklumat baharu oleh sesuatu kumpulan atau individu dengan niat untuk meningkatkan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi (Rivera, 2003; Sofian, 2008). Terdapat empat elemen penting di dalam proses pengembangan iaitu (1) ilmu pengetahuan dan kemahiran; (2) nasihat teknikal dan informasi; (3) organisasi petani dan (4) motivasi dan keyakinan diri (Oakley & Garforth, 1985).

Matlamat pengembangan termasuk pemindahan pengetahuan dari penyelidik kepada petani, menasihati petani dalam membuat keputusan dan mendidik petani tentang proses membuat keputusan yang terbaik yang membolehkan petani untuk menjelaskan matlamat sendiri dan kemungkinan yang berlaku, serta merangsang pembangunan pertanian (Van Der Ban & Hawkins, 1996). Pengembangan membantu untuk mengurangkan perbezaan antara potensi dan hasil sebenar dalam bidang pertanian dengan mempercepatkan pemindahan teknologi (untuk mengurangkan jurang teknologi) dan membantu petani menjadi pengurus ladang yang lebih baik (untuk mengurangkan jurang pengurusan). Ia juga mempunyai peranan yang penting dalam membantu mengukuhkan penyelidikan dalam menyesuaikan teknologi kepada agroekologikal serta sumber petani. Pengembangan mempunyai dwi fungsi dalam merapatkan hubungan antara penyelidik dan petani: ia memudahkan kedua-dua penggunaan teknologi dan adaptasi teknologi dengan keadaan setempat. Pertama melibatkan penterjemahan maklumat dari sumber ilmu dan dari penyelidikan baharu kepada petani, dan yang kedua membantu menyampaikan kepada sistem penyelidikan tentang masalah dan kekangan yang dihadapi oleh petani (Anderson & Feder, 2003).

Penduduk luar bandar bergantung kepada agen pengembangan untuk mendapatkan informasi dan nasihat. Seperti yang dinyatakan oleh FAO (2006), keseluruhan proses pengembangan adalah bergantung kepada agen pengembangan yang merupakan elemen penting dalam semua aktiviti pengembangan. Peranan agen pengembangan adalah bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan masyarakat dan agensi-agensi dalam proses pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada masyarakat luar bandar. Ini kerana seluruh proses pengembangan bergantung kepada mereka dalam memindahkan idea-idea baharu, kemahiran, teknologi dan nasihat teknik kepada penduduk luar bandar (Neda, Khairuddin, Azimi, & Jegak, 2009; Oladele and Tekena, 2010; Rahim, 2010; Jasmin, 2013). Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan untuk menentukan dan mengukur tahap prestasi agen pengembangan (Ali Hassan et al., 2008).

## Latar Belakang Kajian

Kerajaan kini lebih memberi tumpuan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Selaras dengan slogan 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' pelbagai inisiatif dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan di sektor awam. Kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan bergantung pada kualiti pekerja sektor awam (Rancangan Malaysia Ke Sepuluh, 2011-2015).

Setiap organisasi mempunyai misi, visi dan objektif yang perlu dicapai. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, setiap pekerja di dalam sesebuah organisasi itu perlu mempunyai tanggungjawab mengikut tugas masing-masing berdasarkan skop kerja yang telah ditetapkan. Penyelesaian tugas-tugas organisasi adalah menjadi kewajiban mutlak dari seorang pekerja organisasi tersebut dalam melaksanakan pekerjaannya. Pelaksanaan tugas perlu disesuaikan dengan skop kerja (Jasmin, 2013). Rincian tugas ini secara langsung menjadi panduan kepada pekerja dalam mencapai sasaran tertentu seperti yang diharapkan. Prestasi adalah kesesuaian antara perancangan kerja dengan pencapaian sasaran manakala tahap kompetensi yang tinggi adalah merupakan keberkesanan sesuatu kerja yang dapat dijalankan dengan lebih tersusun dan berkesan (Neda & Jegak, 2011).

Prestasi pekerja menjadi sesuatu keperluan penting dalam sesebuah organisasi kerana prestasi pekerja merupakan penyumbang kepada pencapaian prestasi organisasi (Campbell, 1990). Prestasi pekerja merangkumi tingkah laku sukarela yang berkaitan dengan matlamat organisasi. Secara khususnya, prestasi perkhidmatan pekerja melibatkan tingkah laku yang memberikan khidmat dan bantuan kepada pelanggan (Kunnanatt, 2008). Prestasi juga disebut sebagai pencapaian hasil kerja pekerja berdasarkan piawaian dan ukuran penilaian yang telah ditetapkan. Prestasi merupakan hasil kerja secara kualiti dan kuantiti yang dicapai oleh seorang pekerja dalam melaksanakan tugasnya, sesuai dengan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Ia merupakan tingkah laku yang ditampilkan oleh setiap pekerja sebagai hasil dari pelaksanaan tugas dan fungsi organisasi (Amelia Nani & Tri Ratna 2010). Kompetensi individu merupakan penentu kepada tinggi atau rendahnya prestasi seseorang. Prestasi pekerja dipengaruhi oleh kompetensi yang mana semakin tinggi kompetensi pekerja, maka semakin tinggi prestasi yang dicapainya (Ni Wayan, I Ketut, I Wayan, 2012).

Kompetensi mempunyai peranan yang penting bagi menyelesaikan pekerjaan dalam bidang kerja kerana kompetensi pada umumnya merupakan kemampuan sebenar seseorang untuk melakukan suatu pekerjaan. Tanpa adanya kompetensi maka seseorang itu akan sukar untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan mengikut piawaian yang ditetapkan. Kesempurnaan pekerjaan seseorang anggota dalam sesebuah organisasi terutamanya dipengaruhi oleh kepakaran atau kompetensi yang ada pada individu dalam



bidang kerja yang diceburi (Zakaria, 2006). Oleh itu adalah penting bagi sesebuah organisasi itu mempunyai anggota yang mempunyai kompetensi yang tinggi bagi mencapai prestasi yang tinggi (Untung & Agus, 2010).

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia menggunakan kompetensi sebagai pengukur prestasi. Jabatan Perkhidmatan Awam mendefinisikan kompetensi sebagai pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang diperlukan oleh individu untuk melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Prinsip asas kompetensi menggambarkan wujud hubungkait antara kompetensi dengan prestasi yang mana prestasi anggota perkhidmatan awam akan meningkat jika mereka mempunyai semua kompetensi yang diperlukan dalam menjalankan tugas atau tanggungjawab jawatan yang disandang (JPA, 2005).

Fokus utama pengembangan adalah untuk mendayaupayakan klien. Bagi menentukan prestasi tinggi dan cemerlang, agen pengembangan seharusnya mempunyai kompetensi yang tinggi (Rahim, 2010). Model Airbatu (Spencer & Spencer, 1993) menyatakan kompetensi adalah peramal kepada prestasi kerja. Model ini membahagikan kompetensi kepada dua kategori iaitu kompetensi nampak (di atas airbatu) dan terselindung (di dasar airbatu). Kompetensi 'nampak' yang juga disebut sebagai kompetensi teknikal adalah merangkumi pengetahuan dan kemahiran diperlukan bagi melaksanakan sesuatu tugas. Manakala, kompetensi 'terselindung' atau kompetensi tingkah laku pula adalah konsep sendiri, trait dan motif serta berkait dengan tingkah laku yang akan menggerakkan seseorang untuk bertindak ke arah sesuatu dalam melaksanakan tugasnya. Kompetensi teknikal lebih mudah dibentuk jika dibandingkan dengan kompetensi tingkah laku. Menurut Rahim (2010), kompetensi teknikal tidak mencukupi bagi jangka masa sederhana dan panjang. Sebaliknya, kompetensi tersebut harus ditambah dengan sikap, motif, trait dan konsep diri yang positif (kompetensi tingkah laku) agar agen pengembangan benar-benar kompeten terhadap tugas dan tanggungjawab mereka. Namun, kedua-duanya hendaklah diberikan tumpuan yang sama untuk memastikan prestasi tinggi dan cemerlang dalam kalangan agen pengembangan. Oleh itu, untuk keberkesanan dalam pekerjaan, adalah menjadi satu keperluan bagi individu untuk memiliki atau memperoleh kedua-dua kompetensi teknikal dan tingkah laku serta menggunakan bersama-sama dalam melaksanakan tugas mereka (Vathanophas & Thai-ngam, 2007).

Mutakhir ini penekanan di Kementerian Pertanian dan Asas Tani ialah 'revolusi minda' kakitangannya. Mereka dipinta mewujudkan dan menghayati 'managerial mindset', membangun dan mengekalkan budaya kerja yang berorientasikan prestasi (Menteri Pertanian dalam Amriah & Ratnawati, 2011). Oleh yang demikian, keperluan kakitangan yang mempunyai kompetensi dan prestasi kerja yang tinggi terhadap tugas serta tanggungjawab amat kritikal bagi membolehkan sesebuah organisasi bersaing dengan organisasi lain, terutama sekali dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu (Rahim, 2010).

Perkhidmatan pengembangan pertanian kini mengalami peralihan dan perubahan yang pesat. Oleh itu, perkhidmatan pengembangan perlu disediakan dengan kompetensi perlu yang menyumbang kepada prestasi pekerja pengembangan (Ali Hassan et al., 2008; Victoria & Benjamin, 2012). Penting bagi seorang individu untuk memiliki kompetensi teknikal yang diperlukan dan ianya memadai untuk melaksanakan tugas mereka. Walau bagaimanapun, perubahan persekitaran dan tenaga kerja yang pelbagai telah menyebabkan kompetensi tingkah laku menjadi sangat penting sebagai penentu utama prestasi seseorang individu (Vathanophas & Thai-ngam, 2007). Spencer dan Spencer (1993) menyatakan bahawa prestasi yang berkualiti tinggi tidak hanya ditentukan oleh kemahiran teknikal yang lebih baik tetapi juga oleh manifestasi ciri-ciri asas.

Kompetensi Kecerdasan Emosi (EQ) adalah berkait dengan kompetensi tingkah laku yang terdapat di dalam Model Airbatu, Spencer dan Spencer (1993). Pada dasarnya kompetensi kecerdasan emosi adalah berbeza dengan kompetensi teknikal yang mana kompetensi teknikal memerlukan lebih proses pemikiran intelektual dan hanya bergantung kepada kebolehan kognitif yang berpangkalan di neokorteks (Boyatzis, 1982). Kecerdasan emosi adalah dua kali ganda pentingnya berbanding dengan kemahiran teknikal dan kecerdasan intelek (IQ) bagi pekerjaan di semua peringkat; kecerdasan intelek hanya menyumbang kira-kira 20% daripada faktor-faktor yang menentukan kejayaan hidup, baki 80% adalah disebabkan kecerdasan emosi (Goleman, 1996). Penyelidikan kompetensi yang melibatkan lebih 200 syarikat dan organisasi di seluruh dunia menunjukkan bahawa kira-kira satu pertiga daripada perbezaan ini adalah disebabkan oleh kemahiran teknikal dan keupayaan kognitif manakala dua pertiga daripadanya adalah keupayaan emosi (Goleman, 1998). Dalam kedudukan kepimpinan tertinggi, lebih empat per lima daripada perbezaan itu disebabkan oleh kompetensi emosi (Cherniss, 1999). Terdapat beberapa penyelidikan yang menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai kecerdasan emosi adalah lebih berkesan sebagai individu (Arbham, 2004; Higgs, 2004; Kunnanatt, 2004).

Kecerdasan emosi telah diperakui sebagai salah satu faktor sumber manusia yang dapat mempengaruhi prestasi pekerja dan seterusnya mendorong kepada prestasi organisasi. Kecerdasan emosi menjadi satu keperluan kompetensi yang perlu dibangunkan kepada semua peringkat anggota perkhidmatan awam. Pemahaman dan penghayatan yang mendalam mengenai kecerdasan serta mengambil usaha meningkatkan amalan kompetensi-kompetensi dalam dimensi kecerdasan emosi akan membuka peluang yang luas kepada setiap anggota perkhidmatan awam meningkatkan prestasi mereka di tempat kerja melalui pemberian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, kumpulan, dan organisasi mereka (Malek Shah & Nor Shah, 2004).

Kompetensi kecerdasan emosi dikatakan sebagai kemampuan seseorang untuk mengendalikan diri sendiri dalam pelbagai situasi. Ianya merupakan

sikap dan tingkah laku atau kemahuan dan kemampuan untuk menguasai diri serta memahami keadaan sekeliling secara objektif dan subjektif. Individu yang mempunyai kompetensi kecerdasan emosi dapat mengawal dan menstabilkan emosinya apabila berhadapan dengan pelbagai permasalahan di tempat kerja (Ni Wayan et al., 2012).

Sesetengah pengkaji (Syarifah Akmam & Ahmad Syukri, 2006; Sy, Tram, & Hara, 2006) menyatakan bahawa prestasi kerja dipengaruhi oleh keupayaan pekerja menggunakan emosi untuk memudahkan pencapaian prestasi. Pekerja boleh menggunakan kedua-dua emosi positif dan negatif untuk meningkatkan prestasi. Sebagai contoh, emosi yang positif, seperti seronok atau bersemangat, boleh merangsang pekerja untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, menyiapkan tugas mereka atau memberi sumbangan kepada organisasi. Sebaliknya, emosi yang negatif seperti keresahan, boleh membantu pekerja untuk memberi tumpuan kepada tugas mereka. Pekerja yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi sepatutnya lebih mahir mengawal emosi sendiri dan mengurus emosi orang lain untuk menggalakkan interaksi yang lebih positif dalam organisasi yang menyumbang kepada prestasi.

### **Penyataan Masalah**

Pengembangan pertanian di Malaysia adalah perkhidmatan awam untuk pembangunan sumber manusia bagi pekerja dalam sektor agromakanan termasuk petani (Van Den Ban & Hawkins, 1996). Individu merupakan aset penting dalam menghasilkan prestasi kerja berbanding dengan modal, tanah, bangunan dan sebagainya (Ilhaamie, 2008). Agen pengembangan adalah individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pengembangan pertanian. Agen pengembangan perlu memainkan peranan mereka dalam membantu petani menyelesaikan masalah mereka. Selari dengan definisi pengembangan pertanian itu sendiri sebagai pendidikan tidak formal bagi petani dan keluarga yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan petani dengan memberi fokus kepada perubahan pengetahuan, sikap dan keterampilan atas tujuan agar petani mampu memperbaiki atau meningkatkan kesejahteraan hidup mereka seterusnya masyarakat di sekeliling mereka (Sapar, Amri, Pang, Amiruddin & I G. Putu, 2011).

Keberkesanan aktiviti pengembangan adalah bergantung kepada pengetahuan, kemahiran dan keupayaan serta kebolehan agen pengembangan (Oladele & Tekena, 2010; Rahim, 2010; Neda et al., 2011; Dona, Jayaratne, Moore, Kistler, 2012; Jasmine, 2013). Agen pengembangan perlu mempunyai prestasi kerja yang tinggi agar matlamat meningkatkan pembangunan pertanian tercapai (Hayrol Azril, Jegak, Asiah, Noor Azman, Bahaman, 2010). Namun begitu keberkesanan dan pelaksanaan perkhidmatan pengembangan menjadi satu isu yang membimbangkan (Sofian, 2008). Perkhidmatan pengembangan yang diberikan oleh agen pengembangan sering dipersoalkan oleh pelbagai pihak di mana terdapat dakwaan menyatakan bahawa agen pengembangan tidak kompeten dalam

menyampaikan teknologi dan memberi bimbingan kepada pelanggan (Normala, 2013; Sofian, 2008). Agen pengembangan kurang kerap turun padang dan kurang memberikan tumpuan kepada tugas dalam membantu petani mengeluarkan produk yang berkualiti. Akibatnya banyak hasil pertanian petani tidak bermutu dan ketinggalan dalam pasaran (Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, 2010). Kajian yang dilaksanakan oleh Rahim (2010) di sebuah agensi pengembangan di Selangor turut menunjukkan tahap kompetensi teknikal agen pengembangan berada pada paras rendah dan sederhana sahaja. Selaras dengan itu juga tahap prestasi kerja agen pengembangan juga berada pada paras rendah dan sederhana. Beliau menyatakan bahawa banyak lagi ruang dan peluang untuk memperbaiki prestasi kerja agen pengembangan agar matlamat meningkatkan pembangunan pertanian serta mendayaupayakan petani tercapai. Begitu juga dengan tahap kompetensi agen pengembangan, yang mana Neda (2009) menyatakan bahawa tahap kompetensi agen pengembangan di Malaysia masih mempunyai potensi untuk ditingkatkan.

Kajian mengenai kompetensi teknikal terhadap prestasi kerja agen pengembangan telah banyak dilakukan di Malaysia. Kajian ini memberi penekanan kepada mengenalpasti kompetensi yang diperlukan dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan melalui peningkatan prestasi terutamanya dari aspek teknikal, budaya, sosial serta kepimpinan (Rahim, 2010; Neda, 2009; Neda et al., 2009, 2011; Jasmine, 2013). Manakala kajian yang berkaitan dengan kompetensi tingkah laku masih belum diterokai dalam kalangan agen pengembangan di Malaysia (Rahim, 2010). Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Dona (2010), bagi mengharungi pembangunan arus perdana abad ke 21, agen pengembangan memerlukan kompetensi baharu untuk meningkatkan prestasi mereka. Kajian tersebut menyatakan bahawa kecerdasan emosi adalah signifikan sebagai kompetensi baharu yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan prestasi kerja agen pengembangan. Oleh itu adalah penting untuk menjalankan kajian berkaitan dengan tahap kompetensi kecerdasan emosi, hubungan serta pengaruh kompetensi ini terhadap prestasi kerja agen pengembangan.

Agen pengembangan dianggap sebagai pendidik kerana mereka sentiasa berusaha mendidik petani supaya meningkatkan pengetahuan, minda serta pandangan mereka untuk menggunakan daya dan kemahiran mereka sebaik mungkin dan untuk membangunkan keupayaan mereka dalam bekerja (Savile, 1976). Sebagai pendidik, agen pengembangan biasanya terlibat sebagai 'intervenor' dari luar. Sebagai pendaftar dari luar mereka menghadapi beberapa risiko di dalam merancang dan melaksanakan program setempat. Risiko-risiko ini boleh dikurangkan melalui pengetahuan yang dipunyai tentang peranan dan kuasa sosial serta kompetensi untuk bekerja dengan struktur-struktur kuasa di dalam sesuatu komuniti. Dengan demikian, proses pembentukan program kekal sebagai tunjang kepada bidang pengembangan kerana bidang ini melibatkan manusia untuk bertindak mencapai sesuatu matlamat (Nayan & Sulaiman, 2000).

Rahsia kejayaan dalam semua kerja pengembangan terletak pada kaedah pendekatan kepada masalah-masalah para petani dan keluarganya, memberi keutamaan kepada kehendak mereka, mengajar mereka bagaimana untuk mengatasi masalah mereka serta membangunkan dalam diri mereka rasa bangga dengan pencapaian mereka (Savile, 1976). Kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran pengembangan yang mantap serta menggalakkan penglibatan petani, maka proses pendayaupayaan petani akan menjadi satu kenyataan dan matlamat agensi pengembangan akan tercapai (Rahim, 2010).

Pengenalan kepada teknologi moden dalam pertanian adalah satu langkah dalam proses mendayaupaya petani dan memodenkan masyarakat. Agen pengembangan diharapkan dapat mempengaruhi petani dan mendorong mereka untuk menggunakan teknologi moden. Walau bagaimanapun, agen pengembangan mempunyai kuasa yang terhad dalam mempengaruhi petani untuk menerima sesuatu maklumat atau teknologi baharu. Kuasa ini adalah berdasarkan tahap kepercayaan petani terhadap cadangan dan kebolehan agen pengembangan dalam membantu mereka mencapai matlamat mereka. Kehilangan kepercayaan lebih mudah berlaku daripada mendapat kepercayaan. Sekali agen pengembangan memberi nasihat atau maklumat yang salah kepada seorang petani dan petani tersebut menyedarinya, maka untuk sekian kalinya kepercayaan terhadap agen pengembangan tersebut akan hilang (Van Den Ban & Hawkins, 1996). Agen pengembangan boleh mempengaruhi petani dalam membantu mereka membuat keputusan dan menarik mereka untuk terlibat di dalam aktiviti pengembangan. Hubungan perseorangan yang baik dan perhatian agen pengembangan terhadap petani adalah penting bagi menyokong segala aktiviti yang dilaksanakan oleh petani. Petani akan mudah menerima nasihat dan amat menghargai agen pengembangan apabila mereka diberi perhatian yang sewajarnya (FAO, 2006). Dalam merancang aktiviti dan membuat keputusan agen pengembangan perlu melibatkan petani. Segala pendapat dan pandangan petani perlu diambil kira dan dipertimbangkan agar mereka rasa dihargai dan mengelakkan ketidakpuasan hati (Saodah, Narimah, Mohd Yusof, 2003).

Justeru itu, sebagai pekerja yang berurusan secara terus dengan golongan sasaran (Neda, 2009), agen pengembangan perlu mempunyai kompetensi kecerdasan emosi. Mereka perlu pandai menjaga dan mengambil hati pelanggan mereka serta menjalinkan hubungan yang baik agar ada keserasian antara mereka. Dalam menjalinkan hubungan dengan pihak lain agen pengembangan perlu kebolehan menguruskan emosi yang baik. Oleh itu, bagi memperoleh kesan yang positif dalam menjalinkan hubungan dengan pihak lain, sama ada secara formal atau tidak seseorang itu mesti bijak mengendalikan emosinya dan faham akan emosi pihak lain (Mohd Azhar, 2007). Kecerdasan emosi penting terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan kerja-kerja yang melibatkan interaksi pekerja dengan pelanggan (Jr, Humphrey, Pollack, Hawver & Story, 2011). Goleman (1995) mengatakan bahawa koordinasi perasaan adalah intipati daripada hubungan sosial yang baik. Apabila seseorang itu pandai menyesuaikan diri dengan perasaan

individu yang lain atau dapat berempati, individu tersebut memiliki tingkat emosi yang baik dan lebih mudah menyesuaikan diri dalam pergaulan sosial serta persekitaran hidupnya. Kajian yang dilaksanakan oleh Walter V. Clarke Associates (1997) mendapati bahawa cara seseorang itu mengendalikan emosinya ditentukan oleh berapa ramai orang di sekeliling yang suka berurusan dengannya.

Kecerdasan emosi menggunakan lebih banyak 'perasaan' berbanding dengan kecerdasan intelek. Kebanyakan orang yang pintar tetapi tidak mempunyai kecerdasan emosi mengamalkan cara kerja yang bertentangan dengan cara kerja orang yang mempunyai kecerdasan minda yang lebih rendah tetapi cemerlang dalam kecerdasan emosi (Singh & Sinha, 2013). Oleh kerana itu, tidak semua orang boleh mengawal emosi dengan baik apabila berurusan dengan orang lain, kerana seseorang yang dikategorikan sebagai seseorang yang emosional atau panas baran akan menghadapi kesukaran untuk mengawal kesabaran atau kemarahan walaupun berada di tempat kerja (Bambang & Chee, 2012).

Berdasarkan senario yang digambarkan di atas, persoalan timbul mengenai beberapa perkara berkaitan kompetensi kecerdasan emosi dan prestasi kerja agen pengembangan dalam mendayaupaya petani. Antara persoalan yang timbul adalah setinggi manakah tahap prestasi kerja agen pengembangan? Apakah tahap kompetensi kecerdasan emosi agen pengembangan? Apakah hubungan antara kompetensi kecerdasan emosi dengan prestasi kerja agen pengembangan? Sejauh manakah kompetensi kecerdasan emosi mempengaruhi prestasi kerja agen pengembangan?

## **Objektif Kajian**

### **Objektif Umum:**

Kajian ini bertujuan menentukan pengaruh dimensi kompetensi kecerdasan emosi terhadap prestasi kerja agen pengembangan di kawasan jelapang.

### **Objektif khusus:**

Secara khususnya kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk :

1. Menentukan tahap prestasi kerja agen pengembangan di kawasan jelapang.
2. Menentukan tahap kompetensi kecerdasan emosi agen pengembangan di kawasan jelapang.
3. Menentukan hubungan antara keempat-empat dimensi kompetensi kecerdasan emosi dengan prestasi kerja agen pengembangan.
4. Menentukan pengaruh keempat-empat dimensi kompetensi kecerdasan emosi terhadap prestasi kerja agen pengembangan.

## Hipotesis Kajian

Pembentukan hipotesis-hipotesis kajian adalah berdasarkan kepada kajian-kajian lepas dan juga berlandaskan Teori Prestasi Berasaskan Kecerdasan Emosi Goleman (2001) terutama mengenai pemboleh ubah-pemboleh ubah dan kerangka konseptual kajian, hipotesis-hipotesis alternatif telah dibentuk serta diuji. Hipotesis dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang pertama adalah mengenalpasti hubungan antara empat dimensi kompetensi kecerdasan emosi dan prestasi kerja agen pengembangan. Bahagian kedua pula adalah untuk mengenalpasti pengaruh keempat-empat dimensi kompetensi kecerdasan emosi terhadap prestasi kerja agen pengembangan. Merujuk kepada andai-andai yang telah dibuat, pengkaji telah membentuk beberapa hipotesis dan diterjemahkan dalam bentuk hipotesis nul seperti berikut:

- Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi kesedaran diri dengan prestasi kerja.
- Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi pengurusan diri dengan prestasi kerja.
- Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi kesedaran sosial dengan prestasi kerja.
- Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi pengurusan perhubungan dengan prestasi kerja.
- Ho5 : Dimensi kesedaran diri tidak mempengaruhi prestasi kerja.
- Ho6 : Dimensi pengurusan diri tidak mempengaruhi prestasi kerja.
- Ho7 : Dimensi kesedaran sosial tidak mempengaruhi prestasi kerja.
- Ho8 : Dimensi pengurusan perhubungan tidak mempengaruhi prestasi kerja.

## Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat serta maklumat baru bagi menilai tahap kompetensi kecerdasan emosi dan prestasi di kalangan agen pengembangan. Maklumat yang terdapat dalam kajian ini boleh digunapakai sebagai garis panduan dalam merancang program-program latihan dalam perkhidmatan bagi membantu membangunkan keperluan perkhidmatan penyampaian pengembangan dan seterusnya meningkatkan keberkesanan individu dan produktiviti organisasi. Selain itu ianya boleh dijadikan garis panduan dalam pengambilan dan perlantikan agen pengembangan.

Seterusnya, hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh agen pengembangan bagi meninjau, mengkaji serta menilai kekuatan dan kelemahan mereka dalam melaksanakan peranan mereka dalam mendayaupaya petani. Maklumat dapatan kajian ini dijadikan sebagai wahana kepada agen pengembangan untuk meningkatkan kemahiran mengurus emosi bagi memudahkan proses penyampaian maklumat, teknologi dan inovasi kepada petani.

Bagi kesinambungan ilmu khususnya di bidang pembangunan sumber manusia, teori ini boleh dijadikan sebagai rujukan mengenai perkaitan antara

kompetensi kecerdasan emosi dengan prestasi kerja. Pendekatan sedemikian boleh digunakan dalam merancang dimensi-dimensi kecerdasan emosi yang perlu dipertingkatkan untuk menambahkan lagi keberkesanan individu, aktualisasi diri dan kesejahteraan umum.

Dari sudut percambahan dan penambahbaikan ilmu, kajian ini diharap menjadi asas untuk kajian-kajian mengenai hubungan kompetensi kecerdasan emosi dan prestasi kerja agen pengembangan, bukan sahaja dalam bidang pertanian malah boleh diaplikasi dalam bidang-bidang lain seperti kesihatan, keselamatan dan sebagainya.

### **Skop Kajian**

Kajian ini memberi fokus kepada prestasi kerja dan dimensi kompetensi kecerdasan emosi agen pengembangan di kawasan jelapang. Di samping itu, pengkaji turut mengenalpasti tahap prestasi kerja dan kompetensi kecerdasan emosi agen pengembangan di jelapang, mengenalpasti dimensi kompetensi kecerdasan emosi yang paling dominan dan mengenalpasti dimensi kompetensi kecerdasan emosi yang mempengaruhi prestasi kerja agen pengembangan di jelapang. Seramai 200 orang agen pengembangan di dua buah kawasan jelapang terlibat dalam kajian ini.

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa batasan untuk dipertimbangkan. Pertama, rangka sampel untuk kajian ini adalah terhad kepada agen pengembangan yang berurusan terus dengan petani di dua buah kawasan jelapang. Kedua, pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan adalah terhad kepada dimensi-dimensi kompetensi kecerdasan emosi berdasarkan Teori Prestasi Berasaskan Kecerdasan Emosi (Goleman, 2001) iaitu kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial, serta pengurusan hubungan. Walaupun banyak faktor lain yang mungkin berkaitan dengan prestasi kerja, tetapi kesemuanya tidak termasuk dalam skop dan tujuan kajian ini. Ketiga, kedua-dua soal selidik mengenai kompetensi kecerdasan emosi dan prestasi kerja akan bergantung kepada penilaian diri sendiri oleh responden. Oleh itu, ketepatan dan kebolehpercayaan keputusan soal selidik akan bergantung kepada kefahaman responden dan kejujuran mereka. Kemungkinan juga wujud bahawa hanya agen pengembangan dengan kompetensi kecerdasan emosi serta prestasi kerja yang tinggi sahaja akan memberikan respon yang baik terhadap soal selidik. Akhir sekali, kajian ini dihadkan oleh kos, masa, tenaga dan kemunasabahan.

### **Definisi Istilah**

#### **Prestasi Kerja**

Prestasi kerja yang membawa maksud tingkah laku atau tindakan yang dapat diperhatikan di bawah kawalan seseorang individu itu sendiri dalam menyumbang kepada matlamat organisasi dan diukur mengikut tahap



kecekapan individu tersebut (Campbell, 1990, Borman dan Motowidlo, 1993). Dalam kajian ini, empat dimensi yang akan diberi fokus sebagai indikator bagi mengukur prestasi kerja agen pengembangan iaitu kualiti kerja, kuantiti kerja, ketepatan masa, dan kehadiran.

- i. Kualiti kerja: tahap perkhidmatan yang diberikan oleh agen pengembangan berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan dan bagaimana mereka memastikan peningkatan berlaku di dalam kualiti kerja mereka
- ii. Kuantiti kerja: pelaksanaan perancangan kerja, jumlah kerja, pencapaian sasaran kerja serta beban tugas agen pengembangan.
- iii. Ketepatan masa: kebolehan agen pengembangan menguruskan masa dengan cekap dalam menyelesaikan tugas yang dipertanggungjawabkan.
- iv. Kehadiran: kebolehhadiran agen pengembangan di sesuatu tempat kerja, program atau latihan sama ada untuk memenuhi keperluan kerja atau latihan.

### **Kompetensi Kecerdasan Emosi**

Bermaksud keupayaan mengendalikan emosi sendiri dan orang lain untuk menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang di tempat kerja (Boyatzis, 1982). Empat dimensi kompetensi kecerdasan emosi dikaji iaitu;

- i. Kesedaran diri: kebolehan seseorang memahami perasaan dan membuat penilaian yang tepat ke atas diri sendiri.
- ii. Pengurusan diri: bentuk tindakbalas yang dizahirkan oleh seseorang dalam sesuatu situasi.
- iii. Kesedaran sosial: kebolehan individu mentafsir diri sendiri dan orang lain dengan tepat.
- iv. Pengurusan perhubungan: kebolehan individu membina hubungan dengan orang lain.

### **Pengembangan Pertanian**

Pengembangan pertanian adalah pendidikan dewasa yang menggabungkan pendidikan, komunikasi dan teknik berkumpulan dalam meningkatkan pembangunan pertanian dan luar bandar. Ia termasuk pemindahan teknologi, penyampaian khidmat nasihat serta maklumat dan jua kemudahan (Van de Ban & Hawkins, 1996).

### **Agen Pengembangan Pertanian**

Semua kakitangan pertanian di semua peringkat adalah agen pengembangan termasuk pegawai pertanian, penolong pegawai pertanian dan pembantu pertanian yang berurusan secara terus dengan pelanggan. Mereka adalah penghubung antara penyelidik dan petani (Jabatan Pertanian, 2008).

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai latar belakang kepada masalah iaitu kepentingan prestasi kerja agen pengembangan. Turut

dibincangkan dalam bab ini adalah teras kepada kajian ini iaitu pernyataan salah kajian yang mana iannya dibincang berdasarkan kajian-kajian lepas dan kritikal terhadap isu prestasi kerja dan kompetensi kecerdasan emosi agen pengembangan. Di samping itu, bab ini juga menjelaskan objektif, hipotesis dan kepentingan kajian yang mendorong penyelidik untuk melaksanakan kajian selanjutnya dalam bab-bab yang seterusnya. Objektif kajian diselarikan dengan hipotesis agar matlamat kajian ini tercapai.



## BIBLIOGRAFI

- Abraham, R. (2004). Emotional Competence as Antecedent to Performance : A Contingency Framework. *Genetic, Social, and General Psychology Monographs*, 130(2), 117–143.
- Aderemy Minhat & Mohamad Hisyam Mohd Hashim (2012). Persepsi Guru-Guru Bidang Teknik Dan Vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat Dalam Meningkatkan Kecerdasan Emosi Pelajar : Satu Kajian Kes Kualitatif. *Kertas Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Ali Hassan Obaid Khalil, Maimunah Ismail, Turiman Suandi & Abu Daud Silong (2008). Extension Worker As A Leader To Farmers: Influence Of Extension Leadership Competencies And Organisational Commitment On Extension Workers' Performance In Yemen. *Journal Of International Social Research*. 1(4), 368-387.
- Amelia Nani Siregar & Tri Ratna Saridewi (2010). Dengan Kinerja Penyuluh Pertanian Di Kabupaten Subang, Provinsi Jawa Barat. *Jurnal Penyuluhan Pertanian* 5(1), 24–35.
- Amriah Buang & Ratnawati Yuni Suryandari (2011). Dasar Wawasan Negara dan Prospek Pembangunan Petani Kecil Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7(2), 55–64.
- Anderson, J. R., & Feder, G. (2003). Rural Extension Services. *World Bank Policy Research Working Paper 2976*, 30–31.
- Armstrong M, Baron. 1998. *A Hand Book of Personal Management Practice*, Fouth Edition. London: Kogan Page.
- Aswati Hamzah, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Nordin Abd Razak (2011). Investigating IQ, EQ and SQ Components of Malay Muslim Moral Structure in the Course of Psychological Dilemma *International Journal for Cross-Disciplinary Subjects in Education (IJCDSE)*, 2(3), 487–492.
- Bahaman Abu Samah & Turiman Suandi 1999. *Statistic for Social Research with Computer Application*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Bambang Bemby Soebyakto & Chee Wei Ming (2012). An Empirical Testing of Intelligence, Emotional and Spiritual Quotients Quality of Managers Using Structural Equation Modeling. *International Journal of Independent Research and Studies*, 1(1), 1–12.
- Bar-On, R. (2006). The Bar-On Model of Emotional-Social Intelligence (ESI). *Psicothema* 2006. Vol. 18, 13-25.
- Borman, W. C., & Motowidlo, S. J. (1993). *Expanding The Criterion Domain to Include Elements of Contextual Performance*. In N. Schmitt & W.C.

Borman and Associates (Eds.), *Personnel Selection in Organizations* (pp. 71-98). San Francisco, CA: Jossey-Bass Publishers.

Boyatzis, R.E. (1982). *The Competent Manager: A Model for Effective Performance*. New York: Wiley & Sons.

Boyatzis, R.E. (2008). Competencies in the 21st Century. *Journal of Management Development*, 27(1), 5-12.

Boyatzis, R.E. (2009). Competencies As A Behavioral Approach to Emotional Intelligence. *Journal of Management Development* 28(9), 749-770.

Boyatzis, R.E., Goleman, D., & Hay Group. (1999). *Emotional Competence Inventory –Revised*, Boston, MA : Hay Group.

Boyatzis, R.E, Goleman, D., and Rhee, K. (2000). Clustering Competence In Emotional Intelligence: Insights From The Emotional Competence Inventory (ECI). In R. Bar-On and J.D.A. Parker (Eds.), *Handbook of Emotional Intelligence*. San Francisco: Jossey-Bass.

Brackett, M. A., Bertoli, M., Elbertson, N., Bausseron, E., Castillo, R. and Salovey, P. (2013). Emotional Intelligence: Reconceptualizing The Cognition-Emotion Link. In Michael D. Robinson, Edward R. Watkins and Eddie Harmon-James (Ed.), *Handbook of Cognition and Emotion* (pp. 365-380) New York: Guilford Press.

Campbell, J. P. (1990). *Modeling the Performance Prediction Problem in Industrial and Organizational Psychology*. In M. D. Dunnette & L. M. Hough (Eds.), *Handbook of Industrial and Organizational Psychology* (pp. 687-732). Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press, Inc.

Cavallo, K. & Brienza, D. (2002). Emotional Competence And Leadership Excellence At Johnson & Johnson: The Emotional Intelligence And Leadership Study. Dari <http://www.eiconsortium.org/>.

Chan Siok Gim & Rodziah Mohamad Nor (2012). Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Perilaku dan Prestasi Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Bachok, Kelantan Secondary School Students in Bachok, Kelantan. *Akademika*, 82(2), 109–118.

Cherniss, C. (1999). The Business Case For Emotional Intelligence. [http://www.eiconsortium.org/research/business\\_case\\_for\\_ei.pdf](http://www.eiconsortium.org/research/business_case_for_ei.pdf).

Cherniss, C. & Goleman, D. (2001). The Emotionally Intelligent Workplace. (How to select for, Measure, and Improve Emotional Intelligence in Individuals, Groups and Organizations, 13–44.

Coakes, S. J., Steed, L., & Price, J. (2008). *SPSS Version 15.0 for Windows Analysis Without Anguish*. John Wiley and Sons Inc. Australia.

- Coco, C. M. (2009). *Emotional Intelligence and Job Satisfaction: The EQ Relationship For Deans Of U.S. Business Schools*. PhD Thesis. Anderson University Anderson.
- Cooper, A. W. & Graham, D. L. (2001). Competencies Needed to Be Successful Country Agents and Country Superiors. *Journal of Extensions*, 39(1).
- Cooper, R. K., & Sawaf, A. (1997). *Executive EQ: Emotional Intelligence In Leadership and Organizations*. New York: Grosset/Putnam.
- Creswell, J. (2005). *Educational research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education Inc.
- Dona Lakai (2010). Identification of Competencies Needed by Extension Agents in North Carolina Cooperative Extension. Thesis Degree of Master of Science. North Carolina State University. Raleigh, North Carolina.
- Dona Lakai, Jayaratne, K. S. U., Moore, G. E., & Kistler, M. J. (2012). Barriers and Effective Educational Strategies to Develop Extension Agents' Professional Competencies, *Journal of Extension*, 50(4).
- Dulewicz, V., & Higgs, M. (1999). Can Emotional Intelligence Be Measured and Developed? *Leadership and Organization Development Journal*, 242–252.
- FAO (2006). Chapter 8. The Extension Agent. (On-line): <http://www.fao.org/docrep/t0060e/T0060E08.htm>
- Fidell, L. S. and Tabachnick, B. G. (2003). *Preparatory Data Analysis. Handbook of Psychology*. John Wiley & Son.
- Gardner, H. (1982). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books, Inc.
- Ghosh, R., Shuck, B., & Petrosko, J. (2012). Emotional Intelligence and Organizational Learning In Work Teams. *Journal of Management Development*, 31(6), 603–619.
- Goleman, D. (1996). *Emotional Intelligence: Why it Can Matter More Than IQ*. London: Bloomsbury Publishing.
- Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (2001). An EI-based Theory of Performance. In C. Cherniss & D. Goleman (Eds.) *The emotionally Intelligent Workplace*. San Francisco: Jossey.

- Goleman, D., Boyatzis, R., & McKee, A. (2013). *Primal Leadership: Unleashing the Power of Emotional Intelligence*. Harvard Business Press.
- Guilford, J.P. (1956). *Fundamental Statistics in Psychology and Education*. New York: McGraw-Hill, 145.
- Hair, F.J., Barry, B., Arthur, H.M. & Philip, S. (2003). *Essential of Business Research Method*. Denver: Wiley.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. 2010. *Multivariate Data Analysis* (7th ed). Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hayrol Azril M.S., Jegak U., Asiah M., Noor Azman A., Bahaman A.S., Jamilah O. and Thomas K. (2010). Can Quality of Work Life Affect Work Performance Among Government Agriculture Extension Officers? A Case from Malaysia. *Journal of Social Sciences* 6 (1), 64–73.
- Hesti Suprihatiningrum & Tri Bodroastuti (2013). Faktor – Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Kerja (Studi Pada Karyawan Kantor Kementerian Agama Provinsi Jawa Tengah), 1–23.
- Higgs, M. (2004). A Study Of The Relationship Between Emotional Intelligence and Performance in UK. *Journal of Managerial Psychology*, 19(4), 442-454.
- Hill, R. (1998). What Sample Size is “ enough ” in Internet Survey Research? *Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century*, 6(3-4), 1–10.
- Hopkins, M. M., & Bilimoria, D. (2008). Social and Emotional Competencies Predicting Success for Male and Female Executives. *Journal of Management Development*, 27(1), 13–35.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2008). *Amalan Pengurusan Sumber Manusia Berteraskan Kompetensi dan Kualiti Perkhidmatan dalam Organisasi Awam Di Malaysia: Kesaling Bergantungan Tugas Sebagai Penyederhana*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Izani Ibrahim & Yahya Don (2014). Servant Leadership and Effective Changes Management in Schools. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4(1), 1-9.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2012). *Buletin Perangkaan Sosial*. Kuala Lumpur
- Jabatan Perkhidmatan Awam (2005). *Pekeliling Perkhidmatan Awam, Dasar Latihan Sumber Manusia*, 1–14.

- Jabatan Pertanian Malaysia (2008). *Manual Pengembangan Pertanian untuk Agen Pengembangan Pertanian (Edisi Semak Semula)*. Putrajaya: Penerbit Jabatan Pertanian Malaysia.
- Jabatan Pertanian Malaysia (2011). *Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi 2011.*, Putrajaya: Penerbit Jabatan Pertanian Malaysia.
- Jacinta Winarno (2008). Emotional Intelligence Sebagai Salah Satu Faktor Penunjang Prestasi Kerja. *Jurnal Manajemen*, 8(1), 12–19.
- Jasmin Arif Shah (2013). *Hubungan antara Kompetensi dan Prestasi Berdasarkan Peranan dalam Kalangan Pegawai Pengembangan Terpilih*. Tesis Sarjana Pendidikan Pengembangan yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Jayan, C. (2006). Emotional Competence, Personality and Job Attitudes as Predictors of Job Performance. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 32(2), 135–144.
- Jordan, P. J., Ashton-James, C. E., & Ashkanasy, N. M. (n.d.). Chapter 14 Evaluating the Claims : Emotional Intelligence in the Workplace, 198–210.
- JPN. 2014. <http://www.epu.gov.my/tenth-malaysia-plan-10th-mp-> [September 2014]
- Jr, E. H. O. B., Humphrey, R. H., Pollack, J. M., Hawver, T. H., & Story, P. A. (2011). The Relation Between Emotional Intelligence And Job Performance : A Meta-Analysis. *Journal of Organizational Behavior*, 32, 788–818.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010). *Hala Tuju Bidang*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Shah Alam.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2011). *Dasar Agromakanan Negara (2011-2020)*. Dicapai pada April 15. 2013 dari Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani : <http://www.moa.gov.my>.
